



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 20 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Tetap jual Menu Rahmah RM5

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PONTIAN:** Kedai Pak Karim di Kampung Rimba Terjun, dekat sini masih menawarkan Menu Rahmah pada harga RM5, namun ada sedikit tambahan harga bergantung permintaan pelanggan.

Pengusahanya, Sipon Sawab, 60, berkata, harga asas Menu Rahmah RM5 bagi makan tengah hari terdiri daripada nasi, ayam dan sayur dan jika pelanggan meminta air sirap, tambahan harga RM1 segelas dikemaskan.

Katanya, jika mengambil jadah nasi, sayur, ayam dan ikam pula ada sedikit tambahan kerana harga sepotong ikan bergantung jenisnya, malah rata-rata pelanggan memahami situasi itu dengan membayar harga

tambahan yang dikenakan.

"Walaupun orang kata harga Menu Rahmah semakin sepi kerana ramai peniaga menarik diri disebabkan kos bahan mentah yang tinggi, namun saya masih mengerakalkannya. Alhamdulillah, Kedai Pak Karim atau dikenali sebagai Kedai Perpaduan ini satu-satunya yang menjual Menu Rahmah di Pontian," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sipon berkata, kedainya yang beroperasi sejak 11 tahun lalu telah memperkenalkan Menu Rahmah pada 2013, sebelum Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memperkenalkan menu berkenaan.

Katanya, setiap hari sebanyak 40 ekor ayam dan 30 kilogram beras dimasak dengan bantuan tiga anaknya dan mula dijual



**SIPON** Sawab menunjukkan Menu Rahmah berlauk ikan atau ayam yang dijual dengan harga RM5 di Kedai Makan Perpaduan Kampung Rimba Terjun, Pontian.

kepada orang ramai pada pukul 10.30 pagi hingga habis.

"Alhamdulillah, jualan saya

biasanya akan habis pada 2 petang dibeli oleh pelanggan daripada pelbagai lapisan umur

yang datang serta pekerja kilang di hadapan restoran ini setiap hari," katanya sambil memberitahu hanya meneruskan perniagaan diusahakan bapa mentuanya, A. Karim Belohik, 77, yang menjual pelbagai jenis makanan pada harga rendah.

Dia dan isteri, Maslizan, 57, serta anak-anak menyambung legasi yang dimulakan bapa mentua itu bagi membantu golongan berpendapatan rendah.

Selain menjual makanan tengah hari, Kedai Makan Perpaduan juga menjual sarapan seperti nasi lemak, mi goreng, lontong dan minuman setiap pagi.

Ditanya keuntungan yang diperoleh menerusi harga jualan sedemikian, Sipon berkata, walaupun hanya 50 sen, namun kehadiran ramai pelanggan tentunya memberi rezeki kepada mereka.

Bergantung kepada permintaan pelanggan ketika pesanan

## Menu Rahmah RM5 masih ada

**PONTIAN** – Sebuah premis makanan di Kampung Rimba Terjun di sini, masih menawarkan Menu Rahmah tetapi bergantung kepada permintaan pelanggan.

Kedai Pak Karim di sini, masih menyediakan makanan tengah hari pada harga RM5.

Pengusaha Sipon Sawab, 60, berkata, harga asas Menu Rahmah RM5 bagi makan tengah hari termasuk nasi, ayam dan sayur serta air minuman dengan harga RM1 segelas.

Katanya, jika pelanggan mengambil juadah nasi, sayur, ayam dan ikan pula ada sedikit tambahan kerana dia menjual sepotong atau seekor ikan bergantung kepada jenis ikan yang dijual.

Kata Sipon, rata-rata pelanggan yang datang ke kedainya untuk makan tengah hari telah memahami situasi seperti itu dan akan membayar harga tambahan yang dikenakan kepada mereka.

"Walaupun orang kata harga Menu Rahmah semakin sepi ke-



SIPON menunjukkan harga makanan RM5 bagi lauk ikan atau ayam yang dijual di Kedai Makan Perpaduan Kampung Rimba Terjun, Pontian semalam.



KERATAN  
Kosmo! 17  
Mei 2024.

rana ramai peniaga menarik diri disebabkan kos bahan mentah yang tinggi, namun saya masih kekalkan konsep tersebut.

"Alhamdulillah Kedai Pak Karim atau dikenali sebagai Kedai Perpaduan ini satu-satunya kedai Menu Rahmah di Pontian yang telah beroperasi lebih dari pada 11 tahun," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambah Sipon, kedainya telah

memulakan lebih awal pada tahun 2013, apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup memperkenalkan Menu Rahmah.

Katanya, ada 15 menu pelbagai jenis lauk-pauk seperti ayam, ikan, sayur-sayuran, boleh pilih bersama nasi dengan harga RM5 sepinggan atau sebungkus termasuk pembeli dalam kalangan kakitangan awam.

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
 nfazlina@NSTP.com.my

Rantau Panjang

Taktik licik dua penyeludup mengisi petrol dan diesel berulang kali menggunakan Proton Waja dan pacuan empat roda tumpas.

Ia selesa salah seorang daripadanya ditahan separuh anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) di sini, kelmarin.

Dalam serbuan berasingan jam 7.45 dan 8.30 pagi itu, dua kenderaan terbabit turut disita selain turut merampas 150 liter diesel dan 50 liter petrol dalam kenderaan terbabit.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail, berkata serbuan pertama pada jam 7.45 pagi mengesan Proton Waja menggunakan nombor pendaftaran tempatan, membuat pengisian minyak petrol secara berulang kali di dua buah stesen berlainan.

Katanya, selepas mengisi minyak, pasukan mengekor kenderaan terbabit sebelum kenderaan itu berhenti di Kampung Gual Tinggi dan lelaki terbabit turut melerakir diri ke dalam semak berhampiran.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan itu sudah diubah suai di bahagian tangki minyak dan kita menjumpai anggaran 50 liter minyak petrol disyaki akan diselewengkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, menerusi operasi kedua jam 8.50 pagi, pihaknya mengesan sebuah lagi kenderaan Mitsubishi Pajero juga menggunakan pendaftaran tempatan sedang mengisi mi-

**SELEWENG BAHAN API: SEORANG LELAKI DITAHAN, 2 KENDERAAN DISITA**

## Kejar sampai depan rumah

nyak secara berulang kali di sebuah stesen minyak di Rantau Panjang jam 8.50 pagi.

"Sebaik suspek mengesyaki kegiatannya dikejar, pemandu terbabit terus memecut kenderaan keluar dari stesen minyak untuk melerakir diri.

"Pasukan kita mengejar kenderaan itu sehingga kenderaan pacuan empat roda itu berhenti berhampiran sebuah rumah di pangkalan haram Kampong Derdap.

"Ketangkasan pasukan berjaya menahan pemandu kenderaan berusia 20-an

dan pemeriksaan lanjut mendapati tangki diubah suai dan terdapat 150 liter diesel dalam tangki berkenaan," katanya.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pemeriksaan lanjut di belakang rumah suspek mendapati terdapat empat tong minyak diesel, tiga alat timbang dan satu mesin pam penyedut yang disyaki digunakan untuk tujuan urusan jual beli penyeludupan barang kawalan.

"Lelaki yang ditahan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.



LAPORAN Harian Metro, 13 Mei 2024.



ANGGOTA KPDN menahan seorang penyeludup dan menyita dua kenderaan disyaki cuba menyeludup petrol dan diesel menerusi dua serbuan berasingan di Rantau Panjang.

Tiada keperluan KPDN wujudkan kad diskaun kepada peniaga jual Menu Rahmah

Oleh NOR SYAMIRA LIANA  
NOR ASHAHA  
SHAH ALAM

Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia mempersoal tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) yang mewujudkan Kad Diskaun khusus buat peniaga menjual Menu Rahmah.

Presidennya, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, tidak ada keperluan KPDN mengusahakan kad berkenaan kerana pihak persatuan yang tersedia menyediakan pelbagai kemudahan.

"Kerajaan tidak perlu lagi mengeluarkan peruntukan membiayai kos pembuatan Kad Baharu untuk diberikan kepada mereka kerana pihak persatuan sudah ada satu kad yang lebih sistematik," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Sebelum ini, media melaporkan bah-

tertumpu kepada penjual Menu Rahmah sahaja.

"Saya minta supaya Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Fuziah Saleh bersama-sama berbincang dengan pihak persatuan mengenai Kad Prihatin Peniaga yang tersedia menyediakan pelbagai kemudahan.

"Kerajaan tidak perlu lagi mengeluarkan peruntukan membiayai kos pembuatan Kad Baharu untuk diberikan kepada mereka kerana pihak persatuan sudah ada satu kad yang lebih sistematik," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Sebelum ini, media melaporkan bah-

awa mana-mana peniaga makanan Menu Rahmah yang terbabit dengan harga kenaikan barang boleh memohon dan menggunakan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah.

Menurut Fuziah, kad berkenaan menawarkan pembelian barang keperluan perniagaan dengan diskaun sehingga 40 peratus.

Mengulas lanjut, Rosli



ROSLI

berkata, pihaknya memohon agar Kementerian memberi peluang kepada gabungan persatuan peniaga memperjelas tentang Kad Prihatin Peniaga yang telah diusahakan Disember 2022.

"Kad ini turut diusahakan secara bersama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

"Sistem kad yang dibangunkan ini lebih selamat dan memberi jaminan kepada masyarakat peniaga. Mereka (peniaga) yang membeli menggunakan kad IRI dapat diskaun, rebat dan mata pembelian," ujarnya.

Ketika ditanya mengenai kebanyakkan peniaga menarik diri daripada menjual Menu Rahmah, beliau berkata, KPDN perlu menyemak semula harga yang patut dikenakan bagi jualan berkenaan.

Ujar beliau, jika kerajaan masih menetapkan harga RM5 untuk setiap hidangan maka tidak mustahil akan lebih ramai lagi peniaga menarik diri kerana tidak mampu menanggung kos harga barang.

Menurut Rosli, pihaknya mahu memperluaskari jualan Menu Rahmah di kesemua Parlimen Wilayah Persekutuan yang menjadi tumpuan khususnya pekerja-pekerja kilang, perniaga kecil dan sebagainya.

"Pun begitu, kita berhadapan kekangan peniaga untuk melakukan jualan Menu Rahmah antaranya, majlis perbandaran tidak beri tempat dan lesen berniaga.

"Justeru, kami mahu kementerian terlibat bantu komuniti peniaga untuk menjual Menu Rahmah dalam soal penempatan dan lesen berniaga," ujarnya.

# Kad Prihatin Peniaga Lebih sistematik - Persatuan



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



AEDY Fadly Ramli (tengah) menunjukkan tangki yang diubah suai pada kenderaan asing untuk menyeludup diesel dalam Op Tangki di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

## Negara rugi RM1.2j sehari angkara diesel diseludup

**KUBANG PASU:** Negara dianggarkan rugi kira-kira RM1.2 juta sehari akibat kegiatan penyeludupan diesel oleh kenderaan asing di sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, di sini.

Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Operasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Aedy Fadly Ramli berkata, kebanyakannya penyeludup sering berulang alik ke negara ini hingga mencecah lima kali sehari.

"Dalam operasi dilakukan, 350 kenderaan diperiksa dan 18 daripadanya terlibat dengan penyeludupan diesel. Mereka guna kenderaan yang diubah suai tangki untuk seludup diesel

hingga lima perjalanan sehari.

"Berdasarkan pengiraan, nilai kasar jika semua 18 kenderaan itu melakukan penyeludupan untuk satu perjalanan sehari mencecah hingga RM250,000 tapi rata-rata pemandu yang ditahan mengaku membuat hingga lima perjalanan sehari.

"Itu bermakna ketirisan ditanggung mampu mencecah hingga RM1.2 juta sehari di sempadan Bukit Kayu Hitam sahaja," katanya dalam sidang akhbar sempena Op Tangki di sini, semalam.

Tambah Aedy Fadly, kenderaan yang digunakan untuk menyeludup diesel ke Thailand terdiri daripada pelbagai jenis

antaranya pacuan empat roda, treler dan kereta yang telah diubah suai tangki.

"Tindakan diambil mengikut Kaedah 34 Ubahsuai Tangki Tanpa Kebenaran di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) serta Kaedah-Kaedah di bawahnya.

"Kami sedang melihat semula kaedah tertentu berkaitan ubah suai kenderaan kerana kes ini biasanya melibatkan kenderaan asing. Dalam masa sama, kami akan lebih bertegas untuk memastikan kegiatan ini dibendung mengikut undang-undang yang tertakluk di bawah bidang tugas JPJ," katanya.

# RM1.2 juta diesel diseludup sehari

Kenderaan asing keluar masuk negara lima kali sehari

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR  
**BUKIT KAYU HITAM**

Kerajaan mengalami kerugian kira-kira RM1.2 juta sehari akibat penyeludupan diesel oleh kenderaan asing yang berlaku di sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam, di sini.



Haaa..nak bagi tau,  
ada sesuatu yang  
**MENARIK**  
menanti anda  
Julai ini!



Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Operasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Aedy Fadly Ramli berkata, perkara itu diakui pemandu kenderaan asing yang ditahan dalam Ops Khas Tangki di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati terdapat pemindau kenderaan asing itu mengaku berulang-alik menyeludup barang kawalan tersebut dari sekitar kawasan Bukit Kayu Hitam ke negara jiran.

"Apa yang mendukacitakan kita adalah ada kenderaan asing yang dipercayai berulang alik lima kali sehari membawa minyak diesel dari negara ini ke Thailand.

"Satu perjalanan anggarannya ialah RM250,000. Anggaran ketirisan hasil yang di alami negara jika didarab lima kali adalah sebanyak kira-kira RM1.2 juta sehari hasil penyeludupan ini. Sebab itulah Ops Tangki diadakan dengan kerjasama agensi lain," kata nya kepada pemberita



Aedy Fadly (tengah) menunjukkan tangki tambahan yang diubah suai pada sebuah treler dari negara jiran yang ditahan dan ia boleh memuatkan sehingga 5,000 liter diesel.

pada sidang akhbar di sini pada Ahad.

Beliau sebelum itu meninjau kenderaan asing termasuk treler yang disita di Depoh Tahanan Kenderaan ICQS Bukit Kayu Hitam.

Turut serta, Timbalan Pengarah JPJ Kedah, Shahru Azhar Mad Dali; Pengarah JPJ Negeri Perlis, Fatimah Mohamed

Ali Piah dan Pengarah Jabatan Imigresen Kedah, Mohd Ridzuan Mohd Zain.

Aedy Fadly berkata, kebanyakan kenderaan asing tersebut telah diubah suai dengan meletakkan tangki tambahan untuk memudahkan aktiviti penyeludupan tersebut dilakukan.

Menurutnya, sepanjang Ops Khas Tangki dilaksanakan ber-

mula sejak Rabu lalu, sebanyak 18 kenderaan asing termasuk treler yang diubah suai telah ditahan termasuk lapan membatikin dua treler, lima pikap dan sebuah kereta Toyota Corolla di ICQS Bukit Kayu Hitam.

"Selain itu, enam kenderaan iaitu lima lori dan sebuah van ditahan di Cawangan JPJ Sungai Petani dan empat lori di Cawangan JPJ Suka Menanti.

"Ops Khas Tangki ini memfokuskan semua kenderaan asing dari negara Thailand meliputi kenderaan persendirian dan kenderaan Perdagangan untuk penyeludupan minyak diesel ke negara jiran," ujarnya.

Tambahnya, JPJ akan bekerjasama dengan pelbagai agensi lain di sempadan termasuk Imigresen di sempadan negara bagi memantau pergerakan keluar masuk individu setiap hari bagi mengekang aktiviti penyeludupan minyak diesel menggunakan kenderaan yang diubah suai.

"Jadi sebab itulah JPJ dan semua agensi penguat kuasa di sini mengadakan Ops Khas Tangki ini dan tidak akan berkompromi dengan pemandu kenderaan asing yang melanggar undang-undang ditetapkan," tegas beliau.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 MEI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-May	Pemilik syarikat, lima individu miliki diesel bersubsidi tanpa lesen didenda	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/17/pemilik-syarikat-lima-individu-miliki-diesel-bersubsidi-tanpa-lesen-didenda">https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/17/pemilik-syarikat-lima-individu-miliki-diesel-bersubsidi-tanpa-lesen-didenda</a>	UTUSAN BORNEO
20-May	Pemilik syarikat, lima individu didakwa miliki 38,654 liter diesel bersubsidi tanpa lesen	<a href="https://suarasarawak.my/pemilik-syarikat-lima-individu-didakwa-miliki-38654-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-lesen/">https://suarasarawak.my/pemilik-syarikat-lima-individu-didakwa-miliki-38654-liter-diesel-bersubsidi-tanpa-lesen/</a>	SUARA SARAWAK
20-May	Jualan Ehsan Rahmah di empat cawangan Segi Fresh, esok, Ahad ini	<a href="https://selangorkini.my/2024/05/jualan-ehsan-rahmah-diempat-cawangan-segi-fresh">https://selangorkini.my/2024/05/jualan-ehsan-rahmah-diempat-cawangan-segi-fresh</a>	SELANGOR KINI
20-May	Isi minyak diesel berulang, pemandu pacuan empat roda dicekup	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/05/19/isi-minyak-diesel-berulang-pemandu-pacuan-empat-">https://malaysiagazette.com/2024/05/19/isi-minyak-diesel-berulang-pemandu-pacuan-empat-</a>	MALAYSIA GAZETTE
20-May	Isi minyak berulang kali, penyeludup ditahan	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/isi-minyak-berulang-kali-penyeludup-">https://www.buletintv3.my/nasional/isi-minyak-berulang-kali-penyeludup-</a>	BULETIN TV3
20-May	Penyeludup kantoi isi minyak berulang kali sebelum kena cekup	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1092043/penyeludup-kantoi-isi-minyak-berulang-kali-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1092043/penyeludup-kantoi-isi-minyak-berulang-kali-</a>	HARIAN METRO
20-May	40 PCT OFF ON BUSINESS SUPPLIES WITH RAHMAH MENU DISCOUNT CARD – KPDN	<a href="https://malaysiantribune.com/40-pct-off-on-business-supplies-with-rahmah-menu">https://malaysiantribune.com/40-pct-off-on-business-supplies-with-rahmah-menu</a>	MALAYSIAN TRIBUNE
20-May	The people should use PriceCatcher, Speedtest applications, says Fahmi	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/234571/the-people-should-use-pricecatcher-speedtest-applications-says">https://www.dailyexpress.com.my/news/234571/the-people-should-use-pricecatcher-speedtest-applications-says</a>	DAILY EXPRESS